

## **TAHAP PENGUASAAN PENULISAN KARANGAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH AGAMA MENENGAH**

Muhammad Zahri Abdul karim<sup>1</sup> & Muhammad Haron Husaini<sup>2</sup>

[zahrikarim@gmail.com](mailto:zahrikarim@gmail.com)<sup>1</sup> & [muhdharon@kuis.edu.my](mailto:muhdharon@kuis.edu.my)<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, (KUIS)

### **ABSTRAK**

Bahasa merupakan alat perhubungan yang digunakan oleh manusia untuk memudahkan urusan kehidupan mereka. Tanpa bahasa, manusia tidak dapat menyampaikan maklumat dengan mudah dan cepat. Pemerolehan bahasa pertama amat mudah bagi manusia kerana bahasa tersebut diperolehi secara langsung daripada ibu dan bapa mereka. Namun begitu, bagi penguasaan bahasa kedua, seseorang manusia perlu mempelajarinya melalui kemahiran-kemahiran yang tertentu dan tersusun seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Penulisan karangan merupakan satu aktiviti yang terdapat dalam aspek kemahiran menulis dan ia dianggap rumit. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar di sekolah agama menengah di Malaysia, mereka dikehendaki untuk menguasai kemahiran penulisan ini kerana kebanyakan latihan dan kerja rumah bagi subjek bahasa Arab memerlukan mereka menulis menggunakan bahasa kedua yang dipelajari. Sehubungan dengan itu, kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan penulisan karangan dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah. Seramai 60 orang responden kajian yang dipilih daripada para pelajar sekolah agama menengah di Selangor dengan menggunakan kaedah pensampelan berstrata, telah dipilih untuk menjayakan kajian ini. Manakala, instrumen kajian merupakan borang soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian; maklumat demografi responden kajian dan set soalan penulisan karangan. Hasil kajian mendapati pelajar sekolah agama menengah berada pada tahap lemah dalam ujian penulisan karangan. Oleh itu, para guru perlu memainkan peranan yang lebih serius dalam melatih para pelajar menguasai kemahiran penulisan karangan bahasa Arab. Selain itu juga, pihak kerajaan dan pihak sekolah perlu memperbanyakkan kursus-kursus berhubung kaedah dan teknik berkesan pengajaran penulisan karangan bahasa Arab kepada para guru agar mereka dapat melatih para pelajar menulis karangan dengan baik.

**Kata kunci:** penguasaan, penulisan karangan, bahasa Arab, pelajar sekolah.

## **1.0 PENGENALAN**

Bahasa merupakan satu medium yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dan bertukar pendapat antara satu dengan yang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010:106). Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir (2003), bahasa ialah kebolehan semulajadi manusia yang berupa satu sistem simbol bunyi suara yang arbitrari, yang dipersetujui dan digunakan oleh sekelompok manusia untuk berkomunikasi. Secara umumnya, kebolehan berbahasa telah wujud sejak manusia dilahirkan lagi. Bahasa yang diperolehi oleh seseorang kanak-kanak daripada ibu dan bapanya dikenali juga dengan bahasa ibunda atau bahasa pertama (Zulkifley Hamid, 1994:69). Kemahiran ini tidak perlu dipelajari kerana ia bersifat tasit. Namun begitu, untuk menguasai bahasa kedua, seseorang individu itu perlu untuk mengikuti pembelajaran dan pengajaran secara teratur dan tersusun di dalam kelas. Hal ini, kerana pembelajaran bahasa kedua kebiasaannya bermula setelah seseorang individu itu telah mampu untuk menguasai bahasa pertamanya dengan baik (Zulkifley Hamid, 2000: 4-7).

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Seseorang yang ingin mahir dalam bahasa Arab, perlu menguasai empat kemahiran asas yang utama iaitu kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis. Antara kemahiran berbahasa yang telah disebutkan di atas, kemahiran penulisan merupakan kemahiran yang paling akhir sekali yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar bahasa. Hal ini demikian, kerana tanpa kemahiran ini, seseorang itu dianggap masih belum lagi menguasai sepenuhnya sesuatu bahasa yang dipelajarinya.

Sepertimana yang diketahui, kemahiran penulisan karangan merupakan satu proses yang saling berkait antara pelbagai kemahiran bahasa yang utama. Terdapat pelbagai pandangan mengenai kemahiran penulisan karangan yang telah dikemukakan oleh para pakar. Para guru kebiasaannya mengajar para pelajarnya dengan memberikan tajuk karangan dan isi-isi penting. Akan tetapi, mereka terlupa untuk bersama-sama dengan para pelajar tersebut dalam proses penulisan karangan sehingga mereka dapat menyiapkan tugas mereka (Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf, 1997). Manakala, di pihak pelajar pula, mereka perlu menghadapi pelbagai halangan dan rintangan bagi menyiapkan tugas penulisan yang telah diberikan oleh guru mereka seperti faktor motivasi, situasi dan buku teks serta buku kerja yang tidak banyak di pasaran.

## **1.1 Permasalahan kajian**

Kemahiran penulisan merupakan kemahiran yang terakhir dari segi turutan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Melalui aspek ini, pelajar dapat menulis sesuatu perkara atau peristiwa serta pengalaman yang dilalui olehnya sepanjang hari. Antara perkara yang dapat ditulis oleh pelajar seperti surat-surat rasmi, surat tidak rasmi, perbincangan, wawancara, arahan-arahan dan sebagainya. Matlamat daripada kemahiran ini adalah supaya para pelajar dapat melaporkan sesuatu perkara atau maklumat yang berguna kepada orang lain dengan berkesan. Tanpa menguasai kemahiran ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk berkomunikasi secara tulisan dengan orang lain dan lebih malang lagi sekiranya maklumat yang ingin disampaikan tidak difahami atau disalah tafsir oleh seseorang penerima maklumat (Zawiyah Mohammad Yusof, 2009).

Dari aspek penguasaan bahasa kedua, kemahiran penulisan merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar (Ahmad Kilani Mohamed, 2001). Hal ini kerana, melalui kemahiran ini pelajar tersebut dapat mencatatkan segala pemikiran dan idea ke dalam bentuk tulisan. Namun begitu, bagi menguasai kemahiran penulisan, seseorang pelajar perlu menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain seperti kemahiran mendengar, bertutur dan membaca (Ab. Halim Mohamad, 2009; Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat, 2012; Ismail Muhamad et. al., 2013; Mohd Bakhir Haji Abdullah, 2011; Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2011). Penguasaan keseluruhan kemahiran ini sebenarnya memerlukan latihan dan tempoh masa yang panjang dan berterusan.

Jika dilihat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan fasa serta peringkat pengajian, bermula dengan kaedah tradisional sehingga kepada kaedah komunikasi (Ahmad Kilani Mohamed, 2001). Hakikatnya, para pelajar di Malaysia telah mempelajari bahasa Arab dalam tempoh masa yang panjang (daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat sekolah menengah). Persoalannya, sejauhmanakah tahap penguasaan para pelajar sekolah agama menengah dalam kemahiran penulisan karangan? Oleh itu, bagi mengetahui dan menilai tahap penguasaan para pelajar dalam kemahiran ini, kebiasaannya guru akan mengadakan ujian penulisan karangan secara tulisan. Tujuan utama ujian ini diadakan untuk mengukur tahap penguasaan para pelajar dalam kemahiran penulisan karangan mereka. Melalui ujian ini juga, guru dapat mengetahui kemampuan para pelajar dalam aspek-aspek tertentu dan dapat memperbaiki kelemahan

pelajar tersebut dengan mudah. Antara bentuk ujian yang dapat dilakukan oleh guru bagi mengetahui tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran ini seperti mengadakan ujian penyusunan cerita, ujian penyambungan cerita dan ujian karangan bebas.

## **1.2 Persoalan kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, pengkaji ingin melihat beberapa perkara seperti berikut:

- a) Sejauhmanakah tahap penguasaan kemahiran penulisan pelajar sekolah agama menengah dalam penyusunan cerita.
- b) Sejauhmanakah tahap penguasaan kemahiran penulisan pelajar sekolah agama menengah dalam menyambung cerita.
- c) Sejauhmanakah tahap penguasaan kemahiran penulisan pelajar sekolah agama menengah dalam karangan bebas.

## **1.3 Objektif kajian**

Secara umumnya, kajian ini cuba melihat tahap penguasaan para pelajar sekolah agama menengah dalam kemahiran penulisan karangan bahasa Arab. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengetahui tahap penguasaan kemahiran penulisan pelajar sekolah agama menengah dalam penyusunan cerita.
- b) Mengetahui tahap penguasaan kemahiran penulisan pelajar sekolah agama menengah dalam menyambung cerita.
- c) Mengetahui tahap penguasaan kemahiran penulisan pelajar sekolah agama menengah dalam karangan bebas.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah agama menengah daerah Klang, Selangor Darul Ehsan. Pemilihan sampel kajian dibuat berdasarkan kaedah persampelan berstrata. Seramai 30 orang pelajar dipilih daripada setiap sekolah. Manakala, bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian utama, a) Demografi pelajar dan b) Set soalan penulisan karangan.

Sementara itu, pengkaji telah berbincang mengenai soalan-soalan penulisan karangan yang akan dijawab oleh para pelajar bersama-sama dengan dua orang penyelia pengkaji iaitu Dr. Muhammad Haron Husaini (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS) dan Prof. Madya Dr. Bakhir Hj. Abdullah (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia UIAM). Hal ini bertujuan untuk kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Manakala, bagi tujuan analisis data, pengkaji menggunakan statistik deskriptif dengan melihat kepada kekerapan dan peratusan bagi soalan pertama. Bagi soalan kedua dan ketiga, pengkaji akan menggunakan teknik global yang diadaptasi daripada kajian (Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz, 1997). Skor markah ujian pelajar yang diperolehi akan dipaparkan dalam bentuk jadual kekerapan dan peratusan.

### **2.1 Instrumen kajian**

Bagi tujuan menjawab objektif kajian, pengkaji telah membahagikan soalan-soalan penulisan karangan kepada tiga bahagian yang utama:

#### **i) Bahagian 1: Menyusun cerita.**

Dalam bahagian ini, pelajar dikehendaki untuk menyusun kembali set cerita menggunakan ayat-ayat yang telah disusun secara tidak teratur. Sebanyak 12 ayat.

#### **ii) Bahagian 2 : Menyambung cerita.**

Dalam bahagian ini, para responden diminta untuk menyambung cerita berdasarkan gambar rangsangan yang telah diberikan.

### **iii) Bahagian 3 : Karangan bebas**

Untuk bahagian ini, para responden diminta untuk memilih satu tajuk karangan jenis perbincangan daripada tiga tajuk karangan yang telah diberikan. Kemudian, mereka perlu menulis karangan tersebut tidak lebih daripada 250 patah perkataan.

## **3.0 SOROTAN KAJIAN**

Secara umumnya, kemahiran menulis dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang utama:

- i- Kemahiran menulis secara mekanis yang bermaksud apabila seseorang pelajar itu dapat memegang pen dan dapat membentuk huruf-huruf bagi tujuan menghasilkan penulisan.
- ii- Kemahiran mengarang yang bermaksud pelajar dapat membina ayat, mengarang dan menzahirkan idea pemikirannya.

Menurut Che Radiah Mezah (2014), antara faedah menguasai kemahiran penulisan adalah;

- Dapat membantu pelajar mengolah idea melalui kaedah penulisan yang betul.
- Dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran berdikari, pemahaman, kefasihan bahasa dan kreativiti.
- Dapat menggalakkan pelajar berkongsi idea dan maklumat melalui penulisan.
- Dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi secara bertulis.
- Dapat meningkatkan daya fikir pelajar melalui aktiviti dalam proses penulisan.
- Dapat membantu pelajar membuat persediaan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.
- Dapat membantu pelajar membuat persediaan untuk melangkah ke alam kerjaya kelak.

Menurut beliau lagi, seseorang yang ingin mahir dalam kemahiran menulis perlu menguasai pelbagai kemahiran asas yang lain seperti kemahiran penguasaan bahasa, teknik dan berfikir. Kesemua perkara yang telah dinyatakan memerlukan masa dan pembelajaran yang berperingkat.

Sementara itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Rosni Samah (2012), terhadap 200 orang responden pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia mendapati para pelajar masih lemah dalam kemahiran penulisan karangan. Secara khususnya, dapatan kajian menunjukkan tahap mereka dalam menyusun perkataan adalah baik. Bagi ujian penyambungan ayat pula adalah

sederhana. Manakala dalam menulis karangan tahap mereka adalah lemah. Perkara ini sangat membimbangkan para pendidik bahasa Arab kerana pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama di Malaysia telah berlangsung dalam tempoh yang panjang akan tetapi pelajar masih lemah dalam membina ayat bahasa Arab dengan baik. Lanjutan daripada kelemahan ini akan menyebabkan para pelajar tidak mampu untuk menguasai dengan baik subjek-subjek pelajaran dalam bahasa Arab di peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Manakala, kajian yang telah dijalankan oleh Khazri Osman dan Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012), bertujuan menganalisis kesalahan penulisan dalam pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam (FPI) yang mendaftar kursus PPPY 1132 Maharat al- Kitabah. Seramai 22 orang pelajar telah dijadikan sebagai responden kajian dan segala data kajian diperoleh daripada ujian penulisan karangan di bawah tajuk kehidupan pelajar, keluarga saya, doa senjata mukmin dan perbualan tentang kehidupan seharian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tersebut melakukan kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai *imla'*, pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak, pemilihan *ishtiqaq*, membaris perkataan, penyesuaian *muzakkar* dan *muannath*, pemilihan *ta'diyah* dan tatabahasa. Daripada kajian ini juga, diketahui bahawa majoriti pelajar melakukan kesalahan dalam membaris perkataan, diikuti aspek *dilalah*. Kesalahan yang paling kurang dilakukan oleh pelajar ialah aspek *imla'*, pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak, pemilihan *ishtiqaq*, penyesuaian *muzakkar* dan *muannath*, pemilihan *ta'diyah* dan tatabahasa. Bagi menangani masalah ini, strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa seharusnya dipertingkatkan. Bimbingan yang berterusan daripada pengajar, pembelajaran bahasa melalui multimedia serta penganjuran aktiviti bahasa seperti kuiz, lakonan dan aktiviti luar kelas (kokurikulum) penting dalam menggalakkan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Sementara itu, kajian berbentuk lapangan yang dijalankan oleh Ismail Muhamad et. al. (2013) bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar sikap dan penguasaan bahasa Arab pelajar yang terlibat dalam program j-QAF secara empirikal. Sebanyak 159 peserta kajian dipilih daripada lapan buah sekolah rendah yang menjalankan program ini bagi kohort pertama. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data kajian terdiri daripada borang soal selidik dan ujian kemahiran Bahasa yang dianalisis secara statistik deskriptif. Dapatan kajian terhadap sikap responden secara umumnya adalah positif dengan minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab, iaitu 66% diikuti dengan kesungguhan 63.52%, pencapaian

30.82% dan dorongan 29.56%. Manakala keputusan ujian bahasa menunjukkan bahawa 74.21 % pelajar berada pada tahap sederhana bagi komponen menulis, 60.38% pada tahap rendah bagi komponen bertutur dan 51.57% pada tahap sederhana bagi komponen membaca. Kesimpulan yang diperolehi oleh pengkaji menunjukkan tahap sendiri pelajar terhadap bahasa Arab yang positif tidak menggambarkan pencapaian yang memuaskan.

Nurhamimi Zainuddin dan Muhammad Faham Muhammad Ghalib (2012), dalam kajian berbentuk kajian eksperimen dan temu bual berdasarkan kepada teori konstruktif sosial yang dikemukakan oleh Vygotsky (1978), menumpukan kajian terhadap aktiviti pembelajaran penulisan karangan bahasa Arab menggunakan program Wiki dalam kalangan pelajar, strategi pembelajaran mereka dan motivasi. Seramai 25 orang responden berbangsa Melayu daripada para pelajar matrikulasi UIAM tahap kedua Jabatan Undang-Undang untuk sesi (2008/2009) telah dijadikan sampel kajian. Pengkaji telah menerangkan kepada semua responden mengenai cara penggunaan program Wiki dalam aktiviti penulisan mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa program Wiki dapat membantu aktiviti penulisan karangan di peringkat permulaan dan terbukti bahawa program tersebut amat berjaya. Perkara ini dibuktikan dengan keputusan pencapaian penulisan yang baik di kalangan sebahagian daripada responden yang dijalankan sepanjang kajian. Pengkaji juga mendapati para pelajar dalam kajian ini menggunakan lebih banyak strategi kognitif (pemikiran) semasa proses pemerolehan bahasa. Sementara itu, dapatan bagi analisa hubungan antara motivasi pelajar dengan proses pembelajaran adalah berhubungan secara positif iaitu apabila motivasi pelajar tinggi proses pembelajaran menjadi mudah.

Sementara itu, Abd. Halim Mohammad (2009), mendapati bahawa penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tempatan adalah rendah, sama ada di dalam ataupun luar bilik kuliah. Tahap penggunaan bahasa Arab yang rendah itu disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman adalah perasaan pelajar terhadap bahasa yang dipelajari seperti malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya. Dapatan kajian ini memberi implikasi praktikal terhadap teknik dan kaedah pengajaran bahasa Arab dalam usaha mempertingkatkan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dalam konteks kehidupan mereka sebagai mahasiswa sangat rendah. Dengan perkataan lain, mereka tidak mempraktikkan penggunaan bahasa Arab dalam hubungan sesama mereka.



Melalui sorotan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati para pelajar di peringkat universiti masih lemah dalam kemahiran penulisan karangan. Namun begitu, di peringkat yang lebih rendah lagi seperti di peringkat sekolah rendah, para pelajar dilihat berada pada tahap sederhana dalam kemahiran penulisan. Hal ini kerana, mereka telah menguasai kemahiran mekanis dengan baik. Akan tetapi, bagi peringkat sekolah menengah, khususnya di sekolah agama menengah, masih tidak terdapat kajian spesifik yang merujuk kepada tahap penguasaan kemahiran penulisan karangan melalui bahagian-bahagian yang telah dibincangkan oleh pengkaji pada bahagian persoalan kajian (sila rujuk pernyataan dalam sub topik 1.2 di atas). Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji akan melihat kemampuan para pelajar sekolah menengah agama dalam kemahiran penulisan karangan mereka.

#### **4.0 HASIL KAJIAN**

Melalui borang soal selidik yang diperolehi daripada para responden, pengkaji hanya memaparkan dapatan kajian yang diperolehi daripada soalan-soalan bahagian B sahaja. Perkara ini dapat dilihat seperti jadual-jadual berikut:

##### **4.1 Analisis Jawapan Bagi Soalan-Soalan Dalam Bahagian B.**

Jadual 1: Keputusan ujian bagi soalan pertama.

<b>Bil jawapan betul</b>	<b>Bilangan pelajar</b>	<b>Peratusan</b>
12	0	0
11	0	0
10	0	0
9	0	0
8	0	0
7	0	0
6	5	8.3%
5	1	1.7%
4	12	20.0%
3	18	30.0%
2	19	31.7%
1	3	5.0%
0	2	3.3%
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100%</b>

Jadual 1 menerangkan keputusan ujian yang diperolehi daripada para responden kajian. Seperti yang dinyatakan oleh pengkaji dalam bahagian instrumen kajian yang lalu, bagi bahagian ini, mereka perlu menyusun petikan yang telah diberikan menjadi satu cerita yang lengkap. Bilangan jawapan yang lengkap sebanyak 12 potongan cerita. Bagi soalan ini, tidak terdapat pelajar yang dapat menyusun kesemua potongan yang diberikan dengan tepat. Daripada jadual 1 didapati hanya seorang pelajar yang dapat menyusun 5 potongan yang betul. Manakala, seramai 12 orang pelajar dapat menyusun 4 potongan yang betul. Seramai 18 orang pelajar dapat menyusun 3 potongan yang betul. Seramai 19 orang pelajar dapat menyusun dua potongan yang betul. Seramai 3 orang pelajar dapat menyusun hanya sepotong cerita yang betul dan dua orang pelajar tidak dapat menyusun kesemua susunan yang betul.

Jadual 2: Keputusan ujian bagi soalan kedua.

<b>Gred</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Cemerlang</b>	2	3.3%
<b>Baik</b>	9	15.0%
<b>Sederhana</b>	2	3.3%
<b>Lemah</b>	21	35.0%
<b>Sangat lemah</b>	26	43.4%
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100%</b>

Nota: Kunci penilaian jumlah (Sumber: Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz, 1997) iaitu 85-100: Cemerlang, 70-84: Baik, 56-69: Sederhana, 31-55: Lemah dan 0-30: Sangat lemah).

Daripada jadual 2 di atas, dalam soalan kedua bagi menyambung cerita berpandukan gambar yang diberikan, seramai dua orang pelajar memperolehi gred cemerlang, 9 orang pelajar memperolehi gred baik, dua orang pelajar memperolehi gred sederhana, 21 orang pelajar memperolehi gred lemah dan 26 orang pelajar memperolehi gred sangat lemah dalam ujian tersebut.

Jadual 3: Keputusan ujian bagi soalan ketiga

<b>Gred</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Cemerlang</b>	0	0
<b>Baik</b>	0	0
<b>Sederhana</b>	2	3.3%

<b>Lemah</b>	20	33.3%
<b>Sangat lemah</b>	38	63.4%
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100%</b>

Daripada jadual 3, pengkaji mendapati dalam ujian penulisan karangan bebas, seramai dua orang pelajar memperoleh gred sederhana, 20 orang pelajar memperoleh gred lemah dan 38 orang pelajar memperoleh gred sangat lemah dalam ujian yang telah dijalankan. Tidak terdapat seorang pun daripada sampel kajian yang mendapat gred cemerlang dan baik dalam ujian ini.

#### **4.2 Ulasan Terhadap Soal Selidik Bahagian B.**

Daripada hasil dapatan yang diperolehi daripada ketiga-tiga soalan yang telah dijawab oleh para responden, jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan mereka dalam penulisan karangan bahasa Arab adalah rendah dalam penyusunan cerita yang telah diberikan. Ini dibuktikan melalui bilangan mereka yang mendapat markah kurang daripada tujuh petikan yang betul. Kesemua mereka hanya berada pada tahap 50% jawapan yang betul.

Selain daripada itu, bagi soalan penyambungan cerita, kebanyakan responden berada pada tahap yang rendah. Hal ini dibuktikan melalui bilangan yang ramai iaitu 47 orang responden berada pada gred lemah dan sangat lemah. Walaubagaimana pun, seramai dua orang responden mendapat gred cemerlang dan 11 orang berada pada gred baik dan sederhana.

Begitu juga bagi tahap penguasaan mereka dalam penulisan karangan bebas, pengkaji mendapati kebanyakan mereka berada pada tahap lemah dan sangat lemah. Hanya dua orang responden yang mencapai gred sederhana (sila rujuk jadual 3). Melalui dapatan yang diperolehi, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa para pelajar masih lemah dalam aktiviti penulisan karangan khususnya dalam karangan bebas yang mana kita sedia maklum bahawa karangan jenis ini biasanya merupakan karangan berbentuk perbincangan.

#### **5.0 IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN**

Oleh yang demikian, daripada dapatan kajian yang telah dikemukakan, pengkaji dapat merumuskan bahawa para pelajar sekolah agama menengah berada pada tahap yang lemah dalam aktiviti penulisan karangan bahasa Arab. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang

telah dijalankan oleh (Rosni Samah, 2012) dan (Abd. Halim Mohammad, 2009) yang menunjukkan para pelajar lemah dalam kemahiran penulisan karangan secara lisan dan tulisan. Walaupun pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia telah berlangsung begitu lama dengan mengalami pelbagai perubahan dan penambahbaikan kurikulum, namun para pelajar di sekolah menengah khususnya, masih lagi tidak mampu untuk menulis karangan bahasa Arab dengan baik. Perkara ini juga disokong melalui dapatan kajian lain di dua buah sekolah agama menengah elit bagi aktiviti penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan para pelajar sekolah agama menengah menunjukkan seramai 53 orang pelajar daripada 80 orang pelajar yang dijadikan sebagai responden kajian, tidak mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian penulisan yang diadakan (Siti Ikbal Sheikh Salleh, 2007).

Hakikatnya, tahap penguasaan penulisan karangan yang lemah dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah adalah berpunca daripada pelbagai faktor seperti faktor diri sendiri (Abd. Halim Mohammad, 2009), kaedah pengajaran guru dan bahan-bahan pengajaran (al-Muslim Mustofa, 2011; Hj. Maimun Aqsha Lubis, 2008; Mohd Bakhir Haji Abdullah, 2011). Selain itu, bahan pengajaran yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlulah bersesuaian dengan tahap pelajar serta disusun dengan susunan yang baik dan teratur bagi mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan (Abd. Halim Mohammad, 2007). Kebanyakan pelajar menyatakan bahawa mereka lemah dalam aspek tatabahasa Arab serta penyusunan perenggan.

Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mencadangkan beberapa cadangan seperti berikut:

- i. Kepada para guru agar memperbanyakkan latihan penguasaan kosa kata dan kaedah tatabahasa dalam pembinaan ayat yang lengkap dan difahami. Dengan erti kata lain, mereka perlu juga melihat kepada proses karangan itu dihasilkan oleh para pelajar, Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf (1997). Selain itu, para guru disarankan juga untuk membiasakan pertuturan dalam bahasa Arab agar pelajar terbiasa dengan laras bahasa tersebut dan memudahkan mereka untuk menulis karangan (Rosni Samah et.al., 2013). Di samping itu juga, para guru disarankan untuk melatih para pelajarnya menguasai teknik-teknik penulisan karangan yang betul (Azman Che Mat, 2007). Salah satu kaedah yang dapat membantu pelajar dalam menguasai kemahiran ini adalah dengan cara menggunakan perisian komputer yang tertentu. Perkara ini disokong oleh dapatan kajian lain yang mendapati penggunaan perisian tertentu dapat

meningkatkan prestasi pelajar dalam ujian penulisan karangan (Nurhamimi Zainuddin dan Muhammad Faham Muhammad Ghalib, 2012).

- ii. Kepada para pelajar agar berusaha menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru mereka dalam penulisan karangan bahasa Arab.
- iii. Kepada para pembuat dasar, agar memasukkan hasil dapatan kajian ini dalam membangunkan bahan bantu mengajar bagi penulisan karangan bahasa Arab yang ingin dipasarkan kepada para pelajar dan guru.
- iv. Kepada para pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji bidang ini dengan lebih terperinci dan mendalam lagi supaya mereka memahami tahap penguasaan para pelajar sekolah menengah agama.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education, 1*, 1–14.
- Abd. Halim Mohammad. (2007). Ciri Buku Teks Bahasa Arab untuk Pelajar Asing yang mempelajari Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing ke-2. *Penyelidikan Bahasa, Kesusasteraan Dan Komunikasi, 1*, 1–17.
- Abd. Halim Mohammad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education, 1(1)*, 1–14.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia* (edisi pert.). Skudai, Johor:Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Muslim Mustofa. (2011). Mawarid al-Akhto' al-Lughowiyah 'inda al-Tullab al-Maliziyyin. In *Seminar Antarabangsa pengajaran Bahasa Arab* (Vol. 2011). Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat, M. T. P. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Developing. *GEMA Online Journal of Language Studies, 12*, 325–337.
- Azman Che Mat. (2007). *Teknik Menulis Bahasa Arab Secara Efektif dan Praktikal*. Batu Caves; Selangor: EDU System Sdn. Bhd.
- Che Radiah Mezah, N. M. dan M. Z. A. R. (2014). *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab* (pp. 1–28). Serdang; Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Maimun Aqsha Lubis. (2008). Keunggulan Kaedah Elektik Sistemik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Kepada Pelajar Melayu. *AJTLHE, 1(2)*, 29–38.

- Ismail Muhamad et.al. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13, 81–97.
- Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). *Penguasaan Kemahiran Penulisan*. Cheras, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat al-Kitabah. dalam *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)* (Vol. 2012, pp. 130–138).
- Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf. (1997). Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kualitatif. *Journal of Social Sciences and Humanities Pertanika*, 5(2), 65–71.
- Mohd Bakhir Haji Abdullah. (2011). al-Dha'fu al-Lughowi lada muta'allimi al-Lughoh al-Arabiyyah bi Jami'ah al-Insaniyyah: Asasuhu wa 'Ilajuhu. *Majallah Al-Dirasat Al-Lughowiyyah Wa Al-Adabiyyah*, 263– 289.
- Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir. (2003). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa* (cetakan pe., p. 1). Tanjung Malim; Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurhamimi bin Zainuddin & Muhammad Faham Muhammad Ghalib. (2012). Astratijiyyat al-Tullab ghoir al-Mutakhossisin fi al-Lughoh al-Arabiyyah fi Ta'allum Maharat al-Kitabah 'Abr Barnamaj Wiki . *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 31–44. Retrieved from khamimi@iium.edu.my
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 555–569.
- Rosni Samah et.al. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(May), 99–116. Retrieved from rosni@usim.edu.my Universiti

Siti Ikbal Sheikh Salleh. (2007). Masalah penguasaan pertuturan bahasa arab di kalangan pelajar sma di selangor. Editor: Mohd Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa. *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Cet. 2. UM press. Kuala Lumpur. 61-87.

Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, M. A.-U. O. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11, 67–82.

Zawiyah Mohammad Yusof. (2009). *Kemahiran Komunikasi* (pp. 1–22). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa* (pp. 73–75). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid. (2000). *Bahasa: Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.